

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]

TARIKH : 3 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 133

Minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah yang diambil bagi meningkatkan tahap liputan komunikasi khususnya di kawasan pedalaman agar kes-kes kecemasan dapat dilaporkan segera kepada pihak berwajib.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan sentiasa berusaha menambahbaik kualiti perkhidmatan komunikasi melalui pelbagai inisiatif, antaranya projek Jalur Lebar Talian Tetap, Peluasan Liputan Selular dan Jalur Lebar Mudah Alih di seluruh negara termasuk di kawasan pedalaman.
2. Di bawah projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) yang menyediakan perkhidmatan jalur lebar talian tetap dengan kelajuan sehingga 20Mbps, sebanyak lebih 604 ribu sambungan telah tersedia melibatkan 572 ibusawat di seluruh negara.
3. Di bawah inisiatif Peluasan Liputan Selular dan Jalur Lebar Mudah Alih yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada, sebanyak 1,788 menara

komunikasi baharu telah siap beroperasi di seluruh negara manakala 247 menara lagi dalam peringkat pelaksanaan.

4. Selain itu, sebanyak 5,532 menara sedia ada telah siap dinaiktaraf di seluruh negara yang menyediakan liputan perkhidmatan sehingga 4G manakala 172 lagi sedang dalam proses penaiktarafan dan dijangka siap menjelang suku keempat 2019.
5. Pihak Kerajaan juga telah merangka draf Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (atau National Fiberisation and Connectivity Plan, (“NFCP”)) bagi menambahbaik dan meningkatkan liputan jalur seluruh negara bagi tempoh pelaksanaan selama 5 tahun (2019-2023). Antara sasaran yang telah ditetapkan di bawah NFCP adalah 98% kawasan berpenduduk di Malaysia akan mendapat kelajuan purata 30Mbps menjelang tahun 2023 dengan menggunakan teknologi yang bersesuaian di seluruh negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD
[MERSING]**

TARIKH : 3 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 134

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kaedah yang akan disusun oleh Kementerian ke arah pertanian moden bagi membantu menangani kemiskinan pesawah. Adakah subsidi padi akan ditamatkan setelah pertanian moden dilakukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara kaedah yang disusun oleh Kementerian ke arah melaksanakan pertanian moden bagi membantu meningkatkan produktiviti dan secara tidak langsung menangani kemiskinan pesawah adalah seperti berikut:

- i) meningkatkan penggunaan mekanisasi dan automasi dalam aktiviti penanaman dan penuaian padi dengan memanfaatkan peruntukan di bawah program mekanisasi dan automasi Kementerian sebanyak RM150 juta dalam bajet RMKe11;
- ii) pengukuhan infrastruktur pengairan dan saliran bagi Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) di mana sebanyak RM1.395 billion diperuntukkan di bawah RMKe11;
- iii) melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) secara berterusan bagi menghasilkan varieti baru yang dapat meningkatkan hasil dan rintang (tahan) kepada penyakit. Antara yang telah berjaya dilakukan adalah pengenalan varieti benih baru seperti MARDI Siraj 297, MR303, MR 307, UKM RC-2 dan UKM RC-8.
- vi) meningkatkan kecekapan bantuan input bagi memastikan peningkatan produktiviti tanaman padi dengan melaksanakan program pemulihan tanah (*soil profiling*) bertujuan mengenalpasti tahap kesuburan tanah dan kesesuaian bantuan baja; dan
- vii) membangunkan Prosedur Operasi Standard (SOP) khusus pengurusan lepas tuai bagi membantu pengurangan kehilangan lepas tuai yang seterusnya boleh meningkatkan pendapatan petani.

NO SOALAN : 134

Pelaksanaan pertanian moden dilaksanakan dengan tujuan untuk membantu peningkatan produktiviti. Namun demikian pemberian subsidi dan insentif adalah merupakan satu galakkan bagi memastikan kesinambungan industri dalam konteks jaminan bekalan makanan negara. Kerajaan berusaha untuk merasionalisasikan pemberian subsidi bagi memastikan hasrat pemberian subsidi dan insentif ini mencapai matlamat dan menepati kumpulan sasaran.

Sekian, terima kasih.